




Headline: Rugi RM26,500 muat turun aplikasi palsu
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 4 May 2020

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 25

Rugi RM26,500 muat turun aplikasi palsu

KEPALA BATAS - Seorang pengurus syarikat kerugian apabila wang simpanan RM26,500 di dalam akaun banknya lesap selepas memuat turun satu aplikasi yang dihantar sindiket penipuan dalam talian di sini kelmarin.

Mangsa berusia 32 tahun itu dikatakan menerima panggilan daripada seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai pegawai Mahkamah Labuan dan mendakwa mangsa terlibat dengan kes dadah dan pengubahan wang haram.



NOORZAINY

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, mangsa diarahkan untuk muat turun satu aplikasi didakwa daripada Bank Negara Malaysia (BNM) iaitu bnmsafe.

“Modus operandi sindiket ini adalah dengan membuat panggilan secara rawak dan memperkenalkan diri mereka sebagai pihak berkuasa termasuk polis sebelum menghantar satu pautan (www.negarabank.com.my/nbm.apk) melalui WhatsApp,” katanya di sini semalam.